

30 JUL 1996

Mahathir-Austria

AUSTRIA BOLEH SUMBANG TERHADAP MATLAMAT PERINDUSTRIAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Austria, dengan penguasaannya dalam bidang-bidang tertentu teknologi, boleh menyediakan input penting ke arah matlamat perindustrian Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

"Malaysia kini memasuki peringkat yang memberi penekanan terhadap industri intensif modal dan teknologi tinggi dan kerajaan Malaysia berminat untuk melihat Austria menggunakan setiap peluang yang ada dalam bidang ini," katanya pada jamuan malam meraikan Canselor Austria Dr Franz Vranitzky di Sri Perdana di sini.

Katanya Austria juga digalakkan menyertai projek-projek infrastruktur di kawasan pertumbuhan mengapung Malaysia dan Asia Tenggara.

Mengenai perkembangan geopolitik di Eropah tengah dan timur, Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai peranan kepimpinan yang Austria mainkan dalam memberikan bantuan kepada negara-negara berkenaan yang melakukan peralihan kepada sistem pasaran ekonomi.

"Jelaslah usaha Austria bagi memastikan kestabilan politik dan perubahan ekonomi yang lancar telah menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan stabil di negara-negara ini," katanya.

Dr Mahathir juga memuji Austria kerana persepaduannya dalam sistem ekonomi dunia yang menurutnya berjalan baik dan secara tidak langsung memberi manfaat kepada Malaysia.

"Contohnya jumlah dagangan dua hala kita mencapai US\$500 juta pada 1994 yang mana sebahagian pentingnya menyumbang kepada perdagangan peralihan ke negara-negara Eropah tengah dan timur," katanya.

Beliau berkata Austria yang muncul menjadi batu loncatan semulajadi kepada pasaran-pasaran yang baru muncul di Eropah tengah dan timur sepatutnya menggunakan kelebihan geografi strategik Malaysia untuk menyokong objektif ekonominya di bahagian dunia sebelah sini.

Pengalaman Austria dalam kerjasama serantau melalui Danube boleh menjadi model bersesuaian bagi rancangan lembangan Mekong Asean memandangkan Danube dan Mekong merupakan laluan air yang penting di rantau masing-masing.

Dr Mahathir juga berharap Austria boleh menolong dalam memberikan bantuan terhadap usaha pembinaan semula Bosnia-Herzegovina.

"Saya pervaya apa yang boleh Malaysia lakukan dari jauh, Austria boleh melakukannya dengan lebih baik kerana kedudukan geografinya yang dekat, katanya.

Dr Franz dan 25 anggota rombongannya yang terdiri daripada menteri-menteri kanan, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli perniagaan tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi empat hari, yang pertama ke Malaysia.

Dr Vranitzky, dalam ucapannya, berkata beliau kini menantikan Mesyuarat Asia-Eropah, yang bermula dengan baik di Bangkok tahun ini.

Beliau berkata ini bukan sahaja membuka jalan ke arah pemahaman lebih baik antara Asia dan Eropah tetapi juga membawa kepada tindakan bersama yang lebih kukuh bagi menangani cabaran-cabaran masyarakat.

Kedamaian, demokrasi dan alam sekitar semula jadi akan dipelihara bukan melalui saingan tetapi menerusi kerjasama rapat, katanya.

Beliau yakin bahawa banyak pandangan antarabangsa yang dikongsinya bersama Dr Mahathir akan membawa kepada kerjasama rapat dalam dialog yang semakin meluas antara negara-negara Asia Selatan dan Kesatuan Eropah.

Dr Vranitzky berkata beliau turut berkongsi kebimbangan dengan Dr

Mahathir bahawa masih terdapat halangan dalam usaha untuk mewujudkan kedamaian sebenar yang berkekalan di negara bekas Yugoslavia itu.

Beliau berkata kedua-dua negara telah melakukan banyak usaha bagi mengurangkan kesengsaraan masyarakat awam, yang menjadi mangsa kepada konflik itu.

Kejadian menyedihkan di Bosnia sekali lagi membangkitkan mengenai kepentingan untuk mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi mewujudkan kedamaian dan melindungi hak asasi manusia di seluruh dunia.

Beliau berkata Austria yakin bahawa proses pembentukan semula, yang sudah dimulakan, akan memperolehi semangat dan momentum di bawah kepimpinan Malaysia semasa Perhimpunan Agung ke-51 PBB.

Beliau juga berkata lawatannya ini akan mengukuhkan hubungan antara Austria dan Malaysia.

Dr Vranitzky yakin bahawa aliran positif dalam perdagangan dua hala seperti yang tercatat dalam statistik 1994 dan 1995, akan berterusan demi faedah bersama. -- BERNAMA

HT NAK